

ANALISIS HUKUM PENGURUSAN HAIWAN YANG BERKELIARAN MENURUT FIQH SYAFIE

ABDUL HAKIM BIN BAHRUDIN

Pensyarah Fakulti Syariah & Undang-undang

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

abdulhakim@kuis.edu.my

ABSTRAK

Hukum berkenaan haiwan ternakan yang terlepas berkeliaran telah dibincangkan pada bab luqatah oleh para fuqaha. Ia merujuk kepada barang keciciran seseorang yang dijumpai dan tidak ketahui pemiliknya. Terdapat garis panduan yang perlu diikuti oleh sesiapa yang menjumpai barang yang dicicirkan ini bagi memastikan hak pemilik dan kemuliaan sesuatu harta dapat dipelihara. Bagi mendalami aspek pengurusan haiwan yang ditemui menurut mazhab Syafie, penelitian dilakukan terhadap kitab-kitab asas dan moden mazhab Syafie. Antaranya, Minhaj Al-Tolibin Imam Nawawi dan kitab-kitab yang mensyarahkannya, Kifayah Al-Akhyar serta kitab moden seperti Al-Fiqh Al-Manhaji dan Al-Muktamad. Seterusnya dilakukan analisis terhadap perbincangan ini untuk menentukan asas pertimbangan ulama Syafieyyah dalam menentukan hukum berkaitan haiwan yang dijumpai. Ini kerana, terdapat tiga kepentingan yang terlibat dalam menguruskan haiwan yang tercicir iaitu haiwan yang ditemui, pemilik haiwan dan pihak yang menemui. Oleh itu, pandangan-pandangan fuqaha Syafieyyah dilihat mengutamakan ketiga-tiga kepentingan tersebut. Selain itu, pandangan mereka juga adalah bersifat anjal dan tidak terikat kepada nas semata-mata bagi memelihara kepentingan pihak-pihak yang terlibat. Pilihan yang diberikan dalam menguruskan haiwan yang ditemui juga menunjukkan bahawa keperluan pengurusan adalah berbeza-beza mengikut situasi dan tempat. Apabila rukun dan syarat telah dipenuhi serta segala proses telah dilaksanakan berdasarkan pilihan-pilihan yang sesuai, haiwan yang tidak dituntut boleh menjadi milik orang yang menemuinya.

Kata Kunci: *Luqatah, Haiwan Berkeliaran, Mazhab Syafie, Pemilikan.*

Pendahuluan

Harta termasuk dalam lima perkara utama yang dipelihara oleh syarak dalam pensyariatan sesuatu hukum. Ia merupakan elemen yang penting kepada manusia dalam meneruskan kehidupan di atas muka bumi ini. Kewujudan harta sebagai alat bantu kepada manusia sama ada dalam urusan kehidupan mahupun pelaksanaan perintah Allah S.W.T sangat diberikan perhatian dalam hukum-hukum syarak. Justeru itu, syarak bukan hanya mengharuskan usaha untuk mengumpul harta dan membina kekayaan tetapi juga melarang mukallaf daripada mengambil harta orang lain dengan jalan yang salah dan menafikan seseorang daripada memperolehi haknya.

Penjagaan harta dari penyalahgunaan, kerosakan dan kehilangan termasuk dalam pemeliharaan harta yang telah diperincikan oleh para ulama. Antara perkara yang dijelaskan adalah berkaitan

pengurusan harta yang tercicir. Ini kerana sesuatu harta yang berharga tidak seharusnya dibiarkan tanpa penjagaan atau dibiarkan musnah tanpa dimanfaatkan. Perbincangan ini dikenali sebagai *luqatah* yang bermaksud barang tercicir dalam bahasa Arab. Walaubagaimanapun, hukum dan kaedah pengurusan berbeza-beza mengikut subjek yang ditemui sama ada ia adalah harta yang tidak bernyawa, haiwan maupun manusia.

Aspek utama yang diberikan perhatian oleh para ulama dalam menentukan hukum dan garis panduan pengurusan harta atau sesuatu yang tercicir ini adalah untuk memelihara kemaslahatan harta dan pemilik, kemuliaannya sebagai harta dan manfaat kepada orang yang menemuinya. Untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang aspek maqasid syariah yang diambil kira oleh ulama dalam perbincangan hukumnya, kajian terhadap dalil-dalil yang berkaitan perlu dilakukan di samping kefahaman tentang aspek pemeliharaan harta mengikut maqasid Syariah yang umum.

Konsep *Luqatah* Dalam Islam

Luqatah bermaksud sesuatu yang hilang dari pemiliknya kerana jatuh, lupa dan sebagainya (Al-Qalyubi & Umairah, 2002). Ia juga dijelaskan sebagai sesuatu hak yang bernilai, yang ditemui tanpa ada penjagaan dan tidak diketahui pemiliknya (Abu Jayb, 2003). Antara syarat bagi barang yang ditemui adalah harta atau sesuatu yang dihormati pada syarak. Bagi sesuatu yang tidak dihormati pada syarak seperti arak dan khinzir maka ia tidak termasuk dalam hukum *luqatah* (Al-Zuhaily, 2007). Harta yang ditemui ini termasuklah harta milik kafir harbi yang masuk ke negara Islam untuk berniaga secara aman. Jika tidak secara aman, harta tercicir itu akan dianggap sebagai ghanimah (Al-Qalyubi & Umairah, 2002).

Hukum mengenai *luqatah* berdasarkan dua aspek utama iaitu amanah penjagaan harta pada peringkat permulaan dan diikuti dengan pemilikan ke atas harta bila tidak dituntut. Justeru itu, seorang hamba tidak layak menyimpan atau memungut harta yang tercicir melainkan dengan perakuan tuannya (Al-Khatib Al-Syarbini, 2006). Menurut Al-Nawawi (2005), digalakkan (*mustahab*) pada orang yang meyakini sifat amanahnya untuk mengambil barang yang dijumpai bahkan wajib mengikut pandangan yang lain dan tidak digalakkan pada orang yang tidak amanah tetapi masih harus padanya untuk berbuat demikian.

Asas kepada hukum berkaitan *luqatah* adalah hadis Rasulullah S.A.W yang menjelaskan pertanyaan seorang sahabat berkenaan barang yang ditemui. Terdapat beberapa riwayat dan lafaz yang pelbagai tetapi membawa maksud yang hampir sama.

عن زيد بن خالد الجهني رضي الله عنه قال: جاء أعرابي النبي صلى الله عليه وسلم فسألته عما يلتفطه، فقال: "عُرْفَهَا سَنَةٌ، ثُمَّ احْفَظْ عَفَاصَهَا وَوَكَاءَهَا، إِنْ جَاءَ أَحَدٌ يُخْبِرُ بِهَا وَإِلَّا فَاسْتَقْفَهَا". قَالَ: "يَا رَسُولَ اللَّهِ، فَضَالَّةُ الْغَنْمِ؟" قَالَ: "لَكَ أَوْ لِأَخِيكَ أَوْ لِلنَّبِيِّ". قَالَ: ضَالَّةُ الْإِبْلِ؟ فَتَمَرَّرَ وَجْهُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: "مَا لَكَ وَلَهَا، مَعَهَا حَذَوْهَا وَسَقَاؤُهَا، تَرَدُّ الْمَاءُ وَتَأْكُلُ الشَّجَرُ".

Maksudnya:

Datang seorang arab badwi yang bertanya kepada Rasulullah S.A.W berkenaan apa yang dia temui. Jawab Baginda S.A.W: Hebahkan ia selama setahun dan simpan (hebahkan) tudung bekas (bekas) dan ikatannya. Jika ada seseorang memberitahu tentang kehilangan barangannya tersebut maka pulangkanlah dan jika tidak ada maka gunakanlah (atau menyimpannya sebagai barang wadiyah). Kemudian dia bertanya: Wahai Rasulullah, kambing yang ditemui? Jawab

Baginda: Bagi kamu atau pemiliknya (selepas kamu menghebahkannya) atau bagi serigala (jika kamu meninggalkannya). Tanyanya lagi: Bagaimana dengan unta? Maka berubah wajah Baginda S.A.W: Ia bukan untuk kamu dan ia tidak memerlukan penjagaan.

(Riwayat

Bukhari)

Hadis ini menjelaskan hukum dan pengurusan *luqatah* berbeza mengikut jenis barang yang ditemui. Ini kerana keadaan dan kemampuan untuk sesuatu barang itu bertahan adalah berbeza-beza. Contohnya Baginda S.A.W telah menjelaskan hukum yang berbeza antara kambing dan unta yang ditemui. Selain itu, bagi seseorang yang menemui barang yang tercicir mempunyai tanggungjawab untuk menghebahkan barang tersebut supaya pemilik asal boleh mendapatkan semula barangnya disamping bertanggungjawab menjaga barang tersebut dengan sebaik mungkin.

Terdapat tiga rukun dalam pengambilan harta yang tercicir iaitu; perlakuan memungut barang tercicir, orang yang memungut (*multaqit*) dan barang yang dipungut. Syarat bagi rukun pertama hanyalah tidak menyebabkan kerosakan dan kemudaratan pada sesuatu yang ditemui tercicir. Manakala mendapatkan saksi bagi pengambilan harta yang tercicir adalah sunat. Bagi pemungut barang tercicir pula disyaratkan memiliki sifat amanah, seorang mukallaf dan mampu menguruskan harta iaitu *rashid*. Syarat bagi barang yang ditemui pula adalah barang keciciran oleh pemiliknya kerana hilang atau lupa, ditemui di tempat awam dan bukan di tempat persendirian, dan ditemui di negara Islam atau negara perang yang terdapat orang Islam (Al-Zuhaily, 2007).

Pandangan Fuqaha Terhadap Hukum *Luqatah*

Terdapat dua pandangan yang diperselisihkan oleh ulama empat mazhab terhadap hukum mengambil barang yang ditemui. Ulama Hanafiyyah dan Syafieyyah berpandangan ia adalah afthal atau dituntut kerana ia termasuk dalam memberikan pertolongan kepada orang lain dengan menjaga harta yang ditemui dan memulangkan semula harta kepada pemiliknya. Hukum ini hanyalah bagi orang yang yakin dengan sifat amanahnya, manakala bagi orang yang bimbang dengan sifat khianat pada dirinya dia di larang sama sekali mengambil harta yang ditemui tersebut.

Ulama Malikiyyah dan Hanabilah pula menghukumkan perbuatan mengambil harta yang ditemui adalah makruh. Ini juga pandangan yang diambil oleh Ibnu Umar dan Ibnu Abbas. Alasannya adalah kerana ia mendedahkan seseorang kepada perbuatan memakan harta secara haram. Selain itu, bimbang jika seseorang itu mengabaikan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan seperti menghebahkan tentang harta yang ditemui atau memulangkannya kepada pemilik asal (Al-Zuhaily W., 2008).

Pengurusan Haiwan Yang Tercicir

Harta tercicir yang dijumpai dibahagikan kepada sesuatu yang bernyawa dan tidak bernyawa dalam perbincangan hukum oleh ulama Syafieyyah. Sesuatu yang bernyawa merujuk kepada haiwan manakala yang tidak bernyawa adalah seperti wang, emas dan lain-lain. Haiwan yang tercicir pula dibahagikan kepada *mumtani'* iaitu boleh melepaskan diri dari serangan pemangsa yang kecil seperti serigala, harimau dan singa, dan yang sebaliknya *ghayr mumtani'* (Al-

Zuhaily, 2007). Antara contoh haiwan yang boleh melepaskan diri adalah unta, kuda dan arnab manakala haiwan yang tidak mampu melepaskan diri seperti kambing dan anak lembu (Al-Khatib Al-Syarbini, 2006).

Hukum pengurusan haiwan *mumtani'* yang ditemui berbeza mengikut tempat di mana ia ditemui. Sekiranya ditemui di tempat yang tiada penduduk seperti padang pasir, harus diambil oleh sesiapa sahaja untuk tujuan menjaganya dan tidak boleh untuk tujuan pemilikan. Bahkan ia dihukumkan haram untuk tujuan pemilikan (Al-Nawawi, 2005) kerana haiwan tersebut boleh menjaga dirinya sendiri daripada binatang buas. Berbeza jika ia ditemui di kawasan penempatan manusia, harus ia diambil untuk tujuan pemilikan kerana ia lebih terdedah kepada perbuatan khianat oleh manusia. Boleh jadi haiwan itu terlepas dari jagaan tuannya kerana perbuatan khianat oleh pihak tertentu (Taqiuddin, 2007). Walaubagaimanapun, Jalaluddin Al-Mahalli (2013) berpandangan sekiranya berada di zaman fitnah dan rosaknya akhlak manusia, harus sahaja untuk mengambilnya sebagai milikan di mana jua ia ditemui.

Manakala bagi haiwan *ghayr mumtani'*, harus bagi *multaqit* mengambil haiwan tersebut untuk tujuan penjagaan atau pemilikan di mana sahaja ia ditemui (Al-Khatib Al-Syarbini, 2006). Pembahagian antara *mumtani'* dan *ghayr mumtani'* adalah berdasarkan kepada hadis yang menjadi asas dalam perbincangan ini apabila baginda memberikan jawapan yang berbeza mengenai kambing dan unta yang ditemui.

Terdapat tiga pilihan pengurusan bagi orang yang menjumpai haiwan yang berkeliaran, iaitu:

- Hebah dan memiliki
- Menjual haiwan dan menyimpan harga, kemudian dihebahkan selepas itu boleh dimiliki.
- Makan dagingnya dan membayar ganti kepada tuannya jika dituntut.

Ketiga-tiga pilihan ini adalah dibenarkan kepada orang yang menemui haiwan berkeliaran di kawasan terpencil dan jika ditemui di kawasan penempatan manusia, hanya pilihan pertama dan kedua yang dibenarkan (Al-Nawawi, 2005). Tidak wajib menghebahkan selepas memakan haiwan yang ditemui jika diambil pilihan ketiga (Jalaluddin Al-Mahalli, 2013).

Al-Mawardi menambah pilihan yang keempat iaitu dimiliki secara langsung dan dijaga untuk penghasilan susu dan pembiakan. Walaubagaimanapun, perlu diingatkan bahawa pilihan dalam menguruskan haiwan yang ditemui ini bukanlah mengikut keinginan dan kehendak orang yang menemuinya tetapi berdasarkan kesesuaian keadaan dan keperluan bagi haiwan tersebut (Al-Khatib Al-Syarbini, 2006).

Peranan Pihak Berautoriti

Umumnya pengurusan berkaitan penemuan haiwan yang tercicir ini adalah bagi orang yang menemuinya. Namun begitu, peranan pihak berkuasa atau pemerintah tetap diberikan perhatian oleh para ulamak walaupun ia bukan satu keutamaan. Pada beberapa keadaan *multaqit* perlu mendapatkan izin daripada pihak berkuasa untuk melakukan sesuatu tindakan yang melibatkan haiwan yang ditemui. Antaranya adalah keizinan menyediakan keperluan bagi haiwan tersebut atau menjualnya. Sekiranya tidak mendapatkan keizinan pihak berkuasa dalam penyediaan keperluan haiwan, perbelanjaannya dianggap sebagai sedekah dan tidak boleh dituntut (Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha, Ali Al-Syarbaji, 2006).

Analisis Dan Dapatan

Berdasarkan perbincangan para ulama Syafieyyah di atas, terdapat beberapa aspek yang boleh disimpulkan.

- a. Pengurusan terhadap haiwan yang ditemui adalah melibatkan tiga kepentingan iaitu haiwan yang ditemui, pemilik asal dan orang yang menemui. Pembahagian oleh fuqaha Syafieyyah antara haiwan *mumtani'* dan *ghayr mumtani'* yang berdasarkan kepada hadis Rasulullah S.A.W menunjukkan bahawa haiwan adalah harta yang bernilai pada manusia dan mempunyai kehormatannya. Ia tidak sepatutnya disia-siakan sahaja dengan dibiarkan dimakan oleh pemangsa atau dirosakkan oleh tangan-tangan yang khianat tanpa penjagaan. Justeru itu, galakan supaya menjaga haiwan yang ditemui menunjukkan kepentingan memelihara kemuliaan harta yang bernilai adalah menjadi keutamaan. Secara tidak langsung, ia juga akan menjaga kepentingan pemilik asal kerana hartanya terselamat dari kehancuran. Selain itu, orang yang menemuinya dituntut supaya menghebahkan penemuan tersebut supaya akhirnya pemilik asal dapat menuntut haiwannya. Biarpun orang yang menemui haiwan itu dibenarkan memanfaatkan haiwan tersebut dengan beberapa pilihan yang telah dinyatakan, hak pemilik asal tetap perlu dipulangkan apabila ia dituntut.
- b. Pandangan fuqaha *Syafieyyah* terhadap hukum pengurusan haiwan yang ditemui adalah subjektif dan mengambilkira perubahan zaman atau masa dan tempat. Sememangnya asas kepada hukumnya adalah berdasarkan kepada hadis Baginda S.A.W, tetapi para ulama tetap melihat kepada maksud atau hikmah disebalik pensyariatan keharusan menyimpan harta yang ditemui. Perkara ini dilihat pada pandangan fuqaha yang menuntut supaya disimpan semua jenis haiwan yang ditemui sama ada yang mampu menjaga dirinya sendiri atau tidak apabila berada di zaman fitnah kerana wujudnya keperluan pada situasi tersebut.
- c. Sesiapa sahaja yang menemui haiwan berkeliaran boleh mengambil dan menjaganya jika memenuhi syarat selain boleh diserahkan kepada pihak berautoriti. Serahan kepada pihak berkuasa sesuai dilakukan oleh orang yang bimbang tidak dapat menjaga haiwan yang ditemui dengan baik atau berhadapan dengan risiko-risiko yang lain. Walaubagaimanapun, ini tidak menghalang seseorang menjaga haiwan yang ditemui kerana hukum penjagaan adalah terikat kepada konsep wadiyah. Penyimpan tidak dipertanggungjawabkan dengan tuntutan diluar kebiasaan dan kemampuannya. Penglibatan pihak berkuasa sebagai penjaga atau pengawalselia kepada haiwan yang ditemui oleh individu tertentu dapat mengelakkan daripada berlakunya fitnah dan pertelingkahan yang mungkin berlaku.
- d. Pilihan yang diberikan oleh Al-Mawardi kepada *multaqit* hendaklah diperhalusi dan tidak sewajarnya diambil secara bulat-bulat. Haiwan yang ditemui adalah satu amanah yang perlu dijaga dan dipelihara. Lebih bertanggungjawab jika sebarang pilihan yang ingin diambil oleh *multaqit* dirujuk terlebih dahulu kepada pihak berkuasa supaya tidak menjadi fitnah kepada dirinya atau menjadi pihak yang boleh memberikan penyaksian jika terdapat pendakwaan.

Kesimpulan

Pemilikan ke atas haiwan ternakan yang ditemui adalah termasuk dalam bentuk pemilikan yang dibenarkan dalam Islam. Tetapi keharusan ini bukanlah secara mutlak, kerana ia perlu memenuhi rukun dan syarat yang telah ditetapkan. Ia bukan semata-mata faedah yang diperolehi seseorang, bahkan terdapat amanah dan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh seorang *multaqit*. Jika pemilik asal datang semula haiwan tersebut, dia perlu menyerahkannya dan jika tidak maka ia adalah rezeki yang halal.

Bibliografi

- Abu Jayb, S. (2003). *Al-Qamus Al-Fiqhi Lughatan Wa Istilahan*. Damsyiq: Dar Al-Fikr.
- Al-Khatib Al-Syarbini, M. b. (2006). *Mughni Al-Muhtaj Ila Ma'rifati Ma'ani Al-Minhaj*. Kaherah: Dar Al-Hadis.
- Al-Nawawi, Y. b. (2005). *Minhaj Al-Tolibin Wa Umdah Al-Muftin*. Damsyiq: Dar Al-Fikr.
- Al-Qalyubi, Ahmad Bin Ahmad. Umairah, Ahmad Al-Baralisy. (2002). *Hasyiatan Al-Qalyubi Wa Umairah*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Zuhaily, M. (2007). *Al-Muktamad Fi Al-Fiqh Al-Syafie*. Damsyiq: Dar Al-Qalam.
- Al-Zuhaily, W. (2008). *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu*. Damascus: Dar Al-Fikr.
- Jalaluddin Al-Mahalli, M. B. (2013). *Kanz Al-Raghibin Syarh Minhaj Al-Tolibin*. Beirut: Dar Al-Minhaj.
- Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha, Ali Al-Syarbaji. (2006). *Al-Fiqh Al-Manhaji 'Ala Mazhab Al-Imam Al-Syafie*. Damascus: Dar Al-Qalam.
- Taqiuddin, A. B. (2007). *Kifayatul Akhyar Fi Hilli Ghayatul Ikhtisar*. Kaherah: Dar Al-Salam.